

07 AUG 1998

MT DIJANGKA BINCANG HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini mengadakan mesyuarat bulanannya yang dipengerusikan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mesyuarat diadakan di ibu pejabat parti di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir dijangka memberi taklimat kepada anggota MT mengenai hubungan Malaysia-Singapura berikutan isu pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Malaysia di Tanjong Pagar.

Singapura memindahkan pusat CIQnya dari Tanjong Pagar ke Woodlands pada 1 Ogos lepas dan mahu Malaysia mengikutinya. Malaysia, bagaimanapun memutuskan untuk tidak memindahkan pusat pemeriksaannya yang terletak di tanah milik KTM Berhad.

Pergerakan Pemuda parti sebelum ini mencadangkan supaya kerajaan menggantung urusan dua hala yang baru sehingga Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong menyatakan pendirian rasminya mengenai beberapa isu yang dihadapi kedua-dua negara.

Isu-isu itu termasuk bekalan air dari Malaysia ke Singapura, tanah KTM di republik itu dan kerjasama ekonomi dan kewangan.

-- BERNAMA

RAZ AKD